

Pelaksanaan Kontrak Muamalat oleh Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Buta dalam Sistem Kewangan Islam

The Implementation of Muamalat Contract by Disabled Person in Islamic Financial System

RUZIAN MARKOM, Universiti Kebangsaan Malaysia
MOHAMAD ANWAR ZAKARIA, Universiti Kebangsaan Malaysia
AZMAN AB RAHMAN, Universiti Sains Islam Malaysia

Received: June 27, 2020 Accepted: November 26, 2020 Online Published: December 15, 2020

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Mutakhir ini, sistem kewangan Islam di Malaysia dilihat semakin berkembang dengan jayanya. Terdapat pelbagai produk kewangan Islam yang telah berjaya dibangunkan untuk memenuhi kehendak masyarakat Islam di Malaysia. Produk-produk yang diperkenalkan oleh institusi kewangan Islam ini adalah berasaskan kontrak dan prinsip muamalat Islam contohnya seperti mudharabah, wakalah, ijarah, kafalah, musyarakah dan pelbagai lagi. Dalam menghadapi perkembangan produk kewangan Islam yang kian meluas, timbul isu mengenai pelaksanaan kontrak muamalat ini dalam kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) sama ada ia dibenarkan dari segi hukum syarak atau sebaliknya. Justeru itu, objektif kajian ini, adalah untuk menganalisa kesesuaian kontrak muamalat dalam kalangan OKU menurut perspektif hukum syarak. Memandangkan golongan ini terbahagi kepada beberapa kategori, kajian ini akan memfokuskan kepada kategori buta sahaja. Kajian ini berbentuk kualitatif meliputi kaedah dokumentasi dan pemerhatian. Hasil kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan kontrak muamalat oleh golongan OKU Buta dalam sistem kewangan Islam secara umumnya adalah dibolehkan menurut pandangan majoriti fuqaha' dengan syarat menepati ketetapan yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada ahli akademik, para pelajar dalam bidang kewangan Islam, institusi bukan kerajaan dan agensi kerajaan bertanggungjawab mendepani isu-isu berkaitan. Kajian lanjutan boleh dilakukan terhadap beberapa lagi kategori yang lain contohnya seperti pekak, bisu, kurang upaya fizikal dan sebagainya dalam rangka untuk memahami realiti dan permasalahan muamalat dalam sistem kewangan Islam dengan lebih terperinci.

Kata Kunci: Kontrak Muamalat, Orang Kelainan Upaya, Kewangan Islam

ABSTRACT

Recently, the Islamic financial system in Malaysia has been developed successfully. Various Islamic financial products were introduced in respond to the needs of the Muslim community in Malaysia. These products are based on the contracts and the principles of Islamic muamalat such as mudharabah, wakalah, ijarah, kafalah, musyarakah and others. The issue arises on the implementation of contract to the disabled either it is permissible according to Islamic Law or not. Hence, the objective of this article is to analyse the suitability of the principles of muamalat contracts for the disabled. Since the disabled are divided into several categories, this study will focus on the blind. Accordingly, this qualitative study has adopted document analysis and observation methods; the results of this study have found that in general, the principles of muamalat contracts in the Islamic financial system are suitable for the blind in Malaysia if it complies with the stipulations that are set by the Islamic law. The findings of this study serve as a guideline and reference to the academicians and students in the field of Islamic finance, non-governmental organizations, and government agencies that are responsible for dealing with disability issues. It is recommended that future research can focus on the other categories of disabled such as the deaf, mute, and other physical disability in understanding the issues and realities of Islamic finance in depth.

Keywords: Muamalat Contract, Disabled Person, Islamic Finance

PENGENALAN

Penggunaan akad atau kontrak urus niaga telah pun menjadi amalan harian bagi sesebuah masyarakat atau kaum sejak dahulu lagi. Masyarakat telah memahami bahawa kontrak amat penting bagi melaksanakan sesebuah urus niaga berkaitan pertukaran pemilikan barangan atau manfaat sama ada melibatkan seorang atau ramai pihak. Menurut perspektif syariah, sesebuah kontrak yang ingin dijalankan oleh pihak-pihak mesti mematuhi segala atur cara yang disyaratkan oleh syarak (ISRA, 2015; Qudamah, 1999). Kontrak mengandungi rukun-rukunnya tersendiri dan perlu ia dipelihara bagi menolak sebarang bentuk penindasan menjamin keadilan pihak-pihak yang berkontrak. Selain itu, fungsi rukun-rukun kontrak yang ditetapkan dalam Islam ini juga adalah untuk memastikan bahawa sesuatu urusan niaga yang dijalankan bebas daripada elemen-elemen yang bertentangan dengan hukum syarak. Sekiranya, sesuatu kontrak tersebut dilanggar, maka muamalat Islam membenarkan mahkamah untuk memcampur urusan kontrak ini bagi menegakkan keadilan pihak-pihak (Abdullah', 2007). Kontrak-kontrak dalam muamalat Islam terbahagi kepada beberapa jenis seperti *al-Bay'*, *al-Ijarah*, *al-Musarakah*, *al-Mudharabah*, *al-Wakalah* dan sebagainya. Seiring dengan perkembangan ekonomi Islam pada masa kini, jenis-jenis kontrak ini telah diaplikasikan dalam perbankan Islam dan institusi kewangan Islam (IKI) bertujuan untuk memenuhi kehendak masyarakat Islam khususnya di Malaysia.

Dalam Islam, setiap individu dibenarkan untuk menjalankan muamalat atau urus niaga selagi tidak bertentangan dengan hukum syarak. Namun timbul persoalan sekiranya terdapat Orang Kelainan Upaya (OKU) yang ingin menjalankan sesuatu kontrak terutamanya kontrak yang berkait rapat dengan produk-produk perbankan Islam dan IKI yang ada pada masa kini contohnya seperti produk Bai' Bithaman Ajil (BBA), *Al-Ijarah Thummal Bai'*, dan Produk Takaful Model Mudharabah. Justeru, dalam penulisan ini penulis akan membincangkan berkenaan isu pelaksanaan kontrak muamalat dalam sistem kewangan Islam oleh golongan OKU mengikut lunas dan perspektif hukum syarak. Perbincangan akan dimulakan dengan menjelaskan terlebih dahulu definisi serta konsep kontrak muamalat, jenis kontrak asas muamalat dan pengaplikasiannya dalam sistem kewangan Islam di Malaysia.

Seterusnya penulis akan menjelaskan pula definisi dan kategori OKU serta kedudukan mereka dalam muamalat Islam. Perbincangan terakhir adalah berkaitan isu pelaksanaan kontrak muamalat oleh golongan OKU dalam sistem kewangan Islam. Perbincangan ini akan memfokuskan kepada golongan OKU kategori Buta sahaja. Pandangan dan perbincangan para fuqaha akan diketengahkan untuk membincangkan isu-isu berkaitan pelaksanaan

kontrak aspek muamalat yang dijalankan oleh golongan OKU Buta ini.

KONTRAK MUAMALAT DALAM SISTEM KEWANGAN ISLAM

1. Definisi Kontrak Muamalat

Kontrak merupakan salah satu terma moden yang sinonim dengan perkataan klasik bahasa Arab iaitu *Al-Aqd* atau akad (ISRA, 2015). *Al-Aqd* berasal daripada perkataan *Aqada* yang bermaksud menggabungkan antara dua hujung sesuatu dan mengikatnya (Bustani, 1987). Menurut El-Muhammady (2010), akad secara umum boleh diertikan sebagai sebarang kontrak yang dilakukan oleh seseorang untuk melaksanakannya secara wajib perkara itu (El-Muhammady, 2010). Manakala akad secara khusus pula didefinisikan sebagai kontrak yang dipersetujui oleh dua pihak yang menimbulkan kesan hukum syarak terhadap pihak yang terlibat contohnya seperti kontrak jual beli (Zahrah, 1977). Menurut Jasas (1347H), ikatan janji untuk melaksanakan sesuatu perkara juga dikira sebagai akad (Jasas, 1347H). Antara dalil pensyariatan berkaitan dengan akad ini adalah:

Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ﴾

Maksudnya: "Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinaasaan." (Al-Quran. Al-Maidah:1)

Perkataan muamalat pula berasal daripada perkataan '*Amila* yang bermaksud saling mengamalkan, saling berbuat dan saling berhubung (Manzur, 1990). Dari sudut istilah, muamalat mempunyai beberapa pengertian yang diberikan oleh para fuqaha terdahulu dan kontemporari. Menurut Ibn Abidin (1994), muamalat didefinisikan sebagai perkara-perkara yang ada dalam urusan muamalat seperti pertukaran pemilikan atau jual beli, perkahwinaan, perbicaraan dalam mahkamah, kontrak amanah (politik dan kepimpinan), dan pengurusan harta pusaka (Ibn 'Abidin, 1994). Muamalat juga boleh ditakrifkan sebagai urusan hidup manusia yang berkait dengan kegiatan akad, iltizam dan tasaruf yang membawa kesan pertukaran hak milik barangan atau wang untuk mendapat manfaat bersama berdasarkan kerelaan dan kepuasan (Tohirin & Ismail, 2009). Terdapat lima jenis muamalat mengikut pandangan para fuqaha antaranya adalah pertukaran harta, pernikahan, perbalahan, amanah dan peninggalan (Ibn 'Abidin, 1994). Dalam konteks perbincangan ini, penulis akan menumpukan perbincangan kepada jenis muamalat berkaitan dengan pertukaran dan pemilikan harta. Ini bertepatan dengan definisi muamalat yang dihuraikan oleh Muhammad Uthman Syubair (1988) iaitu hukum-hukum syarak yang disusun bagi mengatur urusan manusia yang berkaitan dengan harta (Syubair, 1998).

2. Konsep Kontrak Muamalat Menurut Perspektif Fiqh

Kontrak muamalat ini mempunyai prinsip serta ciri-cirinya tersendiri selain diharuskan oleh hukum syarak, antaranya adalah seperti berikut:

Firman Allah SWT:

﴿هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامشوا فِي مَنَاكِبِهَا
وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ﴾

Maksudnya: “Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantau dan makanlah daripada rezeki yang dikurniakan oleh Allah s.w.t dan ingatlah kepada Allah s.w.t jualah (tempat kembali kamu) di bangkitkan (maka hargailah nikmatnya dan takutilah kemurkaannya).” (Al-Quran. Al-Mulk:15)

Kaedah Fiqh menyebut:

الأصل في المعاملات الإباحة

Maksudnya, “Asal segala sesuatu dalam bidang muamalat ialah harus, sehingga adanya dalil yang menyanggahi dan mengharamkannya.” (al-Nadwi, 2013).

Kontrak muamalat yang dijalankan hendaklah pertimbangan yang mendatangkan manfaat dan menghindari kemudaratan dalam kehidupan masyarakat. Hadis Rasulullah SAW tentang Hindun binti Utbah iaitu isteri Abu Sufyan:

Maksudnya: “Ambillah sekadar yang boleh mencukupi keperluanmu dan anakmu dengan cara yang baik.” (As-Shawkani, 1403H)

Kontrak ini juga hendaklah bersandarkan asas sukarela antara pihak-pihak dan terhindar dari unsur paksaan Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ
إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ
إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang Yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu Dengan jalan Yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali Dengan jalan perniagaan Yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu...” (Al-Quran. Al-Nisa: 29)

Kontrak muamalat Islam mempunyai rukun asas tersendiri yang telah ditetapkan. Dalam muamalat Islam, penawaran dan penerimaan dikira sebagai rukun kontrak. Muhammad Yusuf Musa (1998) telah menjelaskan bahawa rukun kontrak merupakan satu lafaz atau ungkapan yang mengatakan persetujuan atau dua kehendak ataupun sesuatu yang mengambil tempat dua kehendak itu sama ada perbuatan atau isyarat ataupun tulisan. Menurut Mazhab Hanafi, selain ungkapan, contohnya seperti barang yang dikontrakkan dan pihak yang berkontrak merupakan satu keperluan untuk membentuk kontrak (Al-Zuhaili, 2000). Manakala ulama' selain Mazhab Hanafi pula berpendapat bahawa orang yang melakukan kontrak,

barang atau perkara yang dikontrak dan juga lafaz, ketiga-tiga perkara ini dikategorikan sebagai rukun kontrak (Ibn Abidin, 2003).

Antara ketiga-tiga rukun kontrak di atas, penawaran dan penerimaan (*ijab* dan *qabul*) merupakan instrumen yang amat penting (Dibyan, 2005). Bagi melaksanakan hubungan makna penawaran dan penerimaan terdapat tiga syarat (Al-Kasani, 2003). Pertama, kedua-dua penerima dan penawar hendaklah berada dalam suatu kontrak atau dikenali sebagai (*Majlis Al-Aqd*). Kedua, tidak ada sesuatu yang menunjukkan kengganan daripada salah satu daripada dua pihak yang berkontrak. Ketiga, pihak yang membuat tawaran tidak menarik balik tawarannya. Sekiranya syarat-syarat ini tidak dipenuhi maka tidak tercapailah penawaran dan penerimaan dalam suatu kontrak. Selain itu, terdapat beberapa lagi faktor yang boleh membatalkan penawaran antaranya kedua-dua pihak iaitu penawar dan penerima tidak mempunyai kelayakan (*ahliyyah*), tamat tempoh kontrak (*Majlis Al-Aqd*) dan kerosakan barang yang dikontrakkan (Al-Syairazi, 2003).

Bagi rukun kontrak yang seterusnya iaitu pihak-pihak yang berkontrak, syarat kelayakan (*ahliyyah*) menjadi satu kewajipan menurut hukum syarak. Ini kerana, pembentukan kontrak tertakluk kepada sempurnanya kelayakan (*ahliyyah*). Jika keahlian ini tidak ada, maka kontrak itu tidak sah kerana ia mempunyai kemungkinan pembuat tawaran telah menarik balik tawarannya (*ijab*), atau mungkin penerima tidak dapat faham tentang apa yang diterimanya (*qabul*) atau tidak lahir penerimaan yang dikira sah oleh syarak (Al-Zuhaili, 2000). Seterusnya bagi barang yang dikontrakkan, barang tersebut mestilah wujud ketika kontrak dimeterai, bernilai menurut syarak, bermanfaat, boleh diserahkan secara fizikal menurut syarak, dikuasai oleh pemilik, serta dalam pengetahuan pihak-pihak yang berkontrak (Al-Khin, 2011).

3. Jenis Kontrak Muamalat

Jenis kontrak muamalat biasanya akan bergantung kepada jenis benda yang diadakan oleh pihak-pihak dalam suatu kontrak. Sebagai contoh pertukaran harta dengan harta akan termasuk dalam kontrak jual beli manakala pertukaran harta dengan manfaat akan termasuk dalam kontrak sewaan (Ahad & Ismail, 2013). Kontrak muamalat dikategorikan dalam pelbagai jenis. Perbincangan ini akan menumpukan kepada dua kontrak asas sahaja yang selalu diguna pakai dalam aplikasi amalan kewangan Islam pada masa kini iaitu kontrak *ijarah* dan kontrak *mudharabah*.

a. Kontrak Sewaan (*Ijarah*)

Kontrak sewaan dalam bahasa Arab dikenali sebagai *ijarah*. Dari segi bahasa istilah *ijarah* atau *ujrah* ini merujuk kepada suatu bayaran yang diberikan kepada seseorang yang melakukan sesuatu kerja sebagai ganjaran kepada apa yang dilakukannya (Al-

Khin, 2011). Menurut istilah pula, ijarah merupakan suatu kontrak pertukaran milik manfaat dengan bayaran (Al-Khin, 2011; Kasani, 1328H). Kontrak sewaan atau ijarah ini boleh melibatkan harta benda seperti rumah, kenderaan dan sebagainya (El-Muhammady, 2010). Ulama telah bersepakat bahawa kontrak *ijarah* adalah dibenarkan dan bertepatan dengan hukum syarak. Dalil yang mengharuskan kontrak *ijarah* adalah berdasarkan Sura al-Talaq ayat 6 yang bermaksud “*jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya.*”

Kontrak *ijarah* akan menjadi sah apabila mencukupi rukun dan syaratnya. Terdapat empat rukun kontrak ijarah yang pertama adalah dua pihak yang berkontrak, iaitu pemilik perkhidmatan atau manfaat dan penyewa. Syarat bagi pihak-pihak yang berkontrak ini ialah kedua-duanya mestilah berakal, baligh dan tidak terhalang untuk menggunakan harta mereka sendiri (Al-Khin, 2011). Rukun yang kedua pula sighth kontrak iaitu penawaran daripada pemilik perkhidmatan dan penerimaan daripada penyewa untuk menyewa perkhidmatan yang ditawarkan tersebut. Rukun yang ketiga pula adalah objek sewaan dan manfaat. Syarat manfaat tersebut hendaklah manfaat tersebut bernilai dan diperlukan menurut syarak, objek sewaan tersebut hak milik pemberi sewa, boleh dimanfaatkan oleh penyewa, boleh diserahkan dan dimaklumi oleh kedua-dua pihak (Yahya, 2010). Rukun yang terakhir adalah bayaran sewaan atau upah. Para fuqaha telah bersependapat bahawa syarat untuk bayaran haruslah bernilai dan dikategorikan sebagai harta (Al-Zuhayli, 1989). Oleh itu, fuqaha telah menetapkan panduan bahawa apa-apa barangan yang bernilai harus digunakan sebagai bayaran sewa (Abu Sulayman, 1992).

b. Kontrak Pelaburan (Mudharabah)

Mudharabah dalam Bahasa Arab dipetik daripada kata-kata “*Darb fi al-Ard*” yang bermaksud ‘bermusafir’. Menurut istilah ulama fiqh, perkongsian seperti ini berlaku apabila pemilik menyerahkan hartanya kepada seseorang untuk diusahakan dan diniagakan. Keuntungan pula akan dikongsi bersama (M. A. b. Q. a.-M. Ibn Qudamah, 1367H). Dalil pensyariaan mudharabah atau pelaburan ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Abbas dari bapanya, al-Abbas bin Abd-al Mutalih yang bermaksud:

“Apabila dia menyerahkan harta untuk pelaburan, dia akan meletakkan syarat kepada sahabatnya iaitu dia tidak boleh membawa barangan ini melalui laut atau melalui lembah, dan tidak menggunakan harta ini untuk membeli haiwan yang mempunyai ‘hati yang lembab’ (masih hidup). Jika dia melakukan juga, dia perlu menggantinya. Syarat ini telah disampaikan kepada Rasulullah SAW dan baginda membenarkannya” (As-Shawkani, 1403H).

Kontrak mudharabah juga mempunyai rukunnya tersendiri. Antara rukun-rukunnya yang

pertama adalah pihak yang berkontrak iaitu pemodal dan pengusaha. Pengusaha ini dikenali sebagai mudharib manakala pemodal pula adalah Rabb al-Mal (ISRA, 2015). Menurut Kasani (1328H), syarat pihak-pihak yang berkontrak ini hendaklah kedua-duanya waras dan sempurna akal, namun tidak disyaratkan cukup umur, Islam dan merdeka (Kasani, 1328H). Oleh itu, kontrak mudharabah diharuskan bagi kanak-kanak, hamba dan kafir dhimmi mahupun musta'man (Sharbini, 1993). Selain itu, kedua-dua pihak juga mestilah mempunyai kelayakan sebagai wakil dan pewakil. Pemodal akan bertindak sebagai pewakil manakala pengusaha pula adalah sebagai wakil untuk mengusahakan modal yang telah diwakilkan oleh pemodal (Al-Khin, 2011). Seterusnya, rukun kedua adalah ijab dan qabul iaitu penawaran dan persetujuan pihak-pihak untuk mewujudkan kontrak mudharabah. Manakala rukun yang terakhir adalah modal. Modal ini mestilah berbentuk matawang yang diterima pakai dalam pasaran. Juhur ulama bersependapat bahawa wang perlu digunakan sebagai modal memandangkan harga dan asas penilaiannya tidak kerap berubah dalam pasaran (M. A. b. Q. a.-M. Ibn Qudamah, 1367H). Modal ini juga perlulah ditentukan dan dimaklumi oleh pihak-pihak serta dapat diserahkan kepada pengusaha untuk dilaburkan (Al-Khin, 2011).

4. Aplikasi Kontrak Muamalat dalam Amalan Kewangan Islam

Sektor kewangan Islam mula berkembang secara pesat sejak beberapa abad yang lepas. Menurut Standard and Poor's Ratings Service (2012) telah melaporkan bahawa aset patuh syariah di seluruh pelusuk dunia telah mula meningkat mencecah USD 1.4 trillion sejak penghujung tahun 2011 dan dijangka akan terus berkembang (SPRS, 2012). Menelusuri perkembangan sektor kewangan Islam yang kian rancak ini, komponen utama yang memainkan peranan penting adalah perbankan Islam. Di Malaysia, perbankan Islam telah menawarkan pelbagai produk bagi memenuhi kehendak pengguna (Dahlan, Noor, & Shuib, 2016). Produk yang diperkenalkan ini adalah berasaskan kontrak asas muamalat Islam yang ditetapkan oleh hukum syarak. Dalam perbincangan ini, penulis akan melihat contoh aplikasi kontrak asas muamalat dalam produk perbankan dan institusi kewangan Islam di Malaysia iaitu produk Al-Ijarah Thumma Al-Bai' dan produk Takaful Model Mudharabah.

a. Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB)

Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) merujuk kepada satu kontrak pembiayaan yang menggabungkan kontrak asas *ijarah* dengan kontrak asas *bai'*. Memandangkan AITAB terbina dari gabungan kedua-dua kontrak asas ini, maka penggunaannya adalah diharuskan menurut hukum syarak (Tahir & Ahmad, 2009). Di bawah kontrak AITAB, penyewa akan menyewa sesuatu barang atau aset daripada pemiliknya terlebih dahulu mengikot kadar atau

harga sewaan yang dipersetujui dalam sesuatu tempoh. Kemudian setelah tempoh sewaan tersebut selesai, penyewa akan memeterai satu lagi kontrak iaitu kontrak belian aset tersebut dengan harga yang telah dipersetujui (A. M. A. Ghani, 1999; Zakaria & Ghani, 2015). Menerusi pengaplikasian dalam sistem kewangan Islam, AITAB amat popular digunakan dalam produk pembiayaan kenderaan. Melalui produk pembiayaan ini, perpindahan hak milik kenderaan yang dibeli akan berlaku di akhir tempoh sewaan melalui kontrak jual beli. Proses produk pembiayaan ini akan dimulakan terlebih dahulu oleh pelanggan yang berkeinginan untuk membeli kenderaan daripada mana-mana syarikat. Pelanggan tersebut akan membuat permohonan produk pembiayaan AITAB ini di mana bank berdasarkan kontrak ijarah terlebih dahulu. Pihak bank akan membeli kenderaan tersebut dan menyewakan kepada pelanggan dalam suatu tempoh yang ditetapkan dan dipersetujui oleh pelanggan. Setelah tamat tempoh sewaan, pelanggan mempunyai pilihan untuk membeli atau tidak kenderaan tersebut daripada pihak bank. Sekiranya pelanggan bersetuju maka kontrak jual beli akan dimeterai dan kenderaan tersebut akan berpindah kepada pelanggan (Abdullah, Aziz, & Shukor, 2013; N. A. R. N. A. Ghani, 2018).

b. Takaful Model Mudharabah

Syarikat takaful merupakan salah satu institusi kewangan Islam yang menjalankan sistem insurans berasaskan Islam melibatkan peserta ataupun ahli yang mencarum sejumlah wang dalam satu kumpulan wang yang sama yang mana akan digunakan untuk saling membantu ahli-ahli yang mengalami kerugian atau kerosakan tertentu (IBFIM, 2010). Melalui penyertaan dalam takaful, peserta takaful bukan sahaja menyumbang dana untuk tujuan mendapatkan perlindungan tetapi boleh membuat pelaburan (Noor & Zakaria, 2010). Secara umumnya, dalam syarikat takaful terdapat dua kategori kontrak. Pertama adalah kontrak antara antara peserta-peserta takaful iaitu kontrak tabarruat dan kedua adalah kontrak yang wujud antara peserta takaful dengan operator takaful contohnya seperti kontrak mudharabah, wakalah, jualah dan waqf (ISRA, 2015).

Pengaplikasian kontrak mudharabah dalam produk takaful boleh dilihat melalui model takaful yang diperkenalkan oleh syarikat takaful itu sendiri. Sebagai contoh dalam model takaful mudharabah, peserta bertindak sebagai peyedia modal (rabb al-mal) manakala operator takaful pula adalah sebagai pengusaha modal (mudarib) (M. M. Ali, 2016). Operator takaful melalui model mudharabah ini dikehendaki untuk melabur modal tersebut berlandaskan syariah serta mengikut syarat dalam kontrak takaful. Kontrak takaful menyatakan bahawa keuntungan (lebih) dari operasi dana yang diuruskan oleh pengendali takaful hendaklah diedarkan antara peserta dan juga operator takaful.

Pembahagian keuntungan tersebut mungkin boleh dibahagikan mengikut nisbah 50:50, 60:40, 70:30 dan seterusnya, sebagaimana yang telah dipersetujui secara bersama antara pihak-pihak yang berkontrak (ISRA, 2015).

ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Allah SWT telah menciptakan manusia di muka bumi terdiri daripada pelbagai bangsa, kaum dan warna kulit. Ketetapan Allah SWT telah menyedarkan kita bahawa di mana setiap manusia yang dicipta itu pasti akan diuji dengan pelbagai bentuk ujian sama ada dalam bentuk kesenangan mahupun kepayahan (Masroom, 2013). Terdapat juga sebahagian manusia yang diuji dengan kekurangan dan kecacatan pada anggota badan, penglihatan, percakapan, pendengaran dan sebagainya sejak kelahirannya (Daud, 1997). Sesungguhnya penciptaan Allah SWT itu pastinya mempunyai peranan dan hikmahnya tersendiri (Iryani, 2017). Sebagai contoh, setiap manusia mempunyai hak dan kewajiban yang perlu ditunaikan termasuklah golongan OKU. Justeru itu, individu dalam sesebuah masyarakat perlulah bersama-sama menyantuni antara satu sama lain khususnya golongan OKU (Din, Nasirudin, Talib, Ibrahim, & Yusuf, 2019). Perkara ini penting supaya hak golongan ini dapat diberi keutamaan yang sewajarnya dalam semua aspek kehidupan sama seperti golongan yang normal (Jaafar, Wahab, & Yaacob, 2017; Tah, 2014).

1. Definisi OKU

Definisi OKU dari sudut bahasa mempunyai kaitan rapat dengan kalimah *al-I'aqah* yang bermaksud terhalang atau terkurung (Manzur, 1990). Manakala dari segi istilah pula terdapat pelbagai tafsiran mengenai OKU. Badan Kebajikan Orang Cacat Arab Saudi telah mentakrifkan kecacatan sebagai cacat penglihatan, pendengaran, fizikal dan pergerakan, susah belajar, tidak lancar bertutur dan bercakap, kecelaruan tingkah laku dan suka menyendiri dan apa jua kecacatan yang memerlukan penjagaan yang khusus (Nizam al-Shu'un al-Ijtima'iyah, 2000). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pula telah mentakrifkan OKU sebagai seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya ataupun sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan, sama ada daripada segi fizikal, mental, dan sama ada ia berlaku semenjak lahir ataupun kemudiannya (WHO, 1992).

Dalam konteks Malaysia, definisi OKU telah dijelaskan dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta OKU 2008). Akta ini telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan pada 7 Julai 2008 dengan tujuan untuk memberi pengiktirafan dan perlindungan terhadap hak golongan OKU. Dalam akta ini, definisi

OKU adalah menyamai definisi yang telah diberikan oleh PBB. Menurut seksyen 2 Akta OKU 2008, OKU ialah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat (Akta OKU, 2008). Seterusnya definisi lain yang boleh dilihat adalah OKU merupakan seseorang individu yang mengalami keterbatasan mobilisasi merujuk kepada jenis kecacatannya, sama ada fizikal (anggota), mahupun mental (ringan, sederhana, berat), penglihatan, dan pendengaran (M. H. A. Rahman, 2009).

Menurut Profesor Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak, bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) dalam Utusan Malaysia (2012) telah menjelaskan bahawa golongan OKU ini harus dilihat dengan cara yang lebih positif dan betul kerana perbezaan asal OKU ini bukanlah dari segi fizikal tetapi keupayaannya disebabkan oleh kelahiran secara semula jadi ataupun disebabkan kejadian yang tidak diingini terjadi padanya. Oleh itu, bagi mengkategorikan golongan ini, terdapat sesetengah pihak yang menggunakan istilah 'Orang Kelainan Upaya' (A. H. Ahmad, 2012). Istilah ini sebenarnya dilihat lebih menyantuni golongan OKU itu sendiri. Ini kerana penggunaan istilah 'orang kurang upaya' adalah kurang sesuai disebabkan ia boleh menimbulkan persepsi negatif terhadap golongan tersebut. Perkara ini juga telah disentuh oleh Ab Aziz Mohd Zin et al. (2009) yang menyarankan agar penggunaan 'kurang upaya' digantikan dengan istilah yang lebih tepat dan sesuai iaitu 'Kelainan Upaya' (Ab. Aziz Mohd Zain, 2009).

2. Kategori OKU

OKU boleh diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya anggota dan kurang upaya akal (Abdul Munir Ismail, 2015). Kategori ini telah dikelaskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang merupakan salah satu badan yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal golongan OKU di Malaysia di bawah naungan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) (JKM, 2020). Antara kategori OKU yang telah dikelaskan oleh JKM adalah seperti berikut:

Jadual 1: Kategori OKU Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Kategori	Catatan
Kurang Upaya Pendengaran	Tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran.
Kurang Upaya	Tidak dapat melihat atau

Penglihatan	mengalami penglihatan terhad di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh.
Kurang Fizikal	Upaya Ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan atau tiada suatu anggota atau ketidakupayaan di mana-mana bahagian badan yang mengalami keadaan seperti hemiplegia, paraplegia, tetraplegia, kehilangan anggota, kelemahan otot-otot yang mengakibatkan mereka tidak dapat melakukan aktiviti asas seperti penjagaan diri, pergerakan dan pertukaran posisi tubuh badan.
Kurang Pertuturan	Upaya Tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini adalah kekal atau tidak akan sembuh.
Masalah Pembelajaran	Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biogikal. Mereka yang tergolong dalam kategori ini adalah lewat perkembangan global, Sindrom Down, lembap dan kurang upaya intelektual. Kategori ini juga merangkumi keadaan yang menjejaskan kemampuan pembelajaran individu seperti <i>Austisme (Autistic Spectrum Disorder)</i> , <i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)</i> dan masalah pembelajaran spesifik seperti <i>Dyslexia</i> , <i>Dyscalculia</i> dan <i>Dysgraphia</i> .
Kurang Mental	Upaya Keadaan penyakit mental yang teruk yang telah diberi rawatan atau telah diberi diagnosis selama sekurang-kurangnya dua (2) tahun oleh Pakar Psikiatri. Contohnya seperti <i>Organic Mental Disorder</i> yang serius dan kronik, <i>Skizofrenia</i> , <i>Paranoid</i> , <i>Mood Disorder (depression, bipolar)</i> dan <i>Psychotic Disorder</i> seperti <i>Schizoaffective Disorder</i> dan <i>Persistent Delusional Disorders</i> .
Kurang Pelbagai (Multiple Disabilities)	Upaya Mempunyai lebih daripada satu (1) jenis ketidakupayaan dan secara umumnya tidak sesuai diklasifikasikan dalam kategori satu hingga enam.

3. Kedudukan OKU dalam Muamalat Islam

Setiap manusia yang diciptakan oleh Allah SWT mempunyai hak dan tanggungjawab dalam meneruskan kehidupan melalui interaksi sosial atau muamalat sesama manusia. Muamalat merupakan satu daripada ibadat yang disyariatkan dalam Islam

sekiranya dilakukan dengan niat dan syarat tertentu (Al-Khin, 2011). Golongan normal mahupun OKU tidak terkecuali dalam melaksanakan setiap muamalat yang disyariatkan. Selain itu, perbincangan berkaitan muamalat juga amat dititikberatkan oleh para para fuqaha. Ini boleh dilihat dari perincian kajian dan jumlah penulisan yang telah dibuat oleh mereka berkaitan permasalahan muamalat bagi memudahkan umat Islam merujuknya. Hasil penulisan mereka telah membuktikan bahawa agama Islam amat mengambil berat hak-hak berkaitan muamalat dalam kalangan masyarakat.

Allah SWT telah menciptakan manusia terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kemampuan. Penciptaan manusia ini termasuklah dalam keadaan yang cukup sifat atau sebaliknya (F. A. Rahman, 2000). Bagi golongan yang mengalami kekurangan keupayaan iaitu OKU, mereka juga mempunyai hak dalam urusan berkaitan muamalat seperti jual beli, pinjaman, simpanan, pelaburan, gadaian, wasiat dan sebagainya (Thoarlim, Rahman, & Ismail, 2017). Dalam Islam, hak golongan OKU tidak pernah dilupakan dari segenap aspek, malah golongan ini telah diberikan kelonggaran dalam kehidupan untuk beribadah menjalankan muamalat mengikut kemampuan (Al-Ramli et al., 2003). Perkara ini penting memandangkan OKU juga adalah sebahagian daripada anggota masyarakat dan mereka sama-sama berperanan dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni (Tah & Mokhtar, 2018). Islam telah mendahului penjagaan kebajikan golongan ini sejak 1400 yang lalu, tidak kira apa-apa sekalipun kekurangan yang dialami. Perkara ini telah dijelaskan dalam al-Quran dan hadis, di samping penulisan-penulisan para fuqaha klasik (Al-Hawali, 2007).

Di Malaysia, kerajaan telah mengambil langkah dengan menandatangani satu proklamasi bertujuan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan golongan OKU. Pada 8 April 2008 pula, kerajaan turut menandatangani Konvensyen Hak OKU atau dikenali sebagai *Convention of Right of Person With Disability* (CRPD). Ini membuktikan bahawa kerajaan Malaysia amat serius dalam melindungi serta memberikan peluang kepada golongan OKU untuk mempertingkatkan kualiti hidup mereka. Menurut Jaafar et. al (2017) golongan OKU kini bukan lagi dilihat sebagai golongan yang memerlukan bantuan tetapi merupakan golongan yang perlu dihormati sebagai seseorang yang menikmati hak sama rata dengan golongan normal yang lain (Jaafar et al., 2017). Golongan OKU juga berhak untuk bekerja, berpendidikan, beribadah dan beriteraksi sama ada sesama golongan mereka atau golongan normal untuk meneruskan kehidupan mereka (Din et al., 2019). Oleh itu, demi meningkat nilai taraf hidup, keperluan untuk bermuamalat dalam sektor ekonomi juga merupakan salah satu aspek penting yang perlu dititikberatkan dalam kalangan OKU itu sendiri.

ISU PELAKSANAAN KONTRAK MUAMALAT DALAM PRODUK KEWANGAN ISLAM OLEH OKU BUTA

Dalam amalan sistem kewangan Islam, semua individu berhak untuk menjalani kontrak muamalat bagi memenuhi keperluan masing-masing termasuklah golongan OKU. Namun begitu, pelaksanaan kontrak muamalat dalam kalangan OKU ini akan menimbulkan isu sama ia dibolehkan dari aspek hukum syarak atau sebaliknya. Melalui perbincangan ini, penulis akan memfokuskan kepada satu kategori OKU sahaja iaitu OKU kategori buta. Penulis akan meneliti akan meneliti dahulu perbincangan para fuqaha berkaitan kelayakan OKU Buta dalam melaksanakan kontrak muamalat. Kemudian, penulis akan mengaitkan perbincangan berkaitan pelaksanaan kontrak muamalat OKU Buta ini dengan aplikasi kontrak semasa yang diamalkan dalam sistem kewangan Islam pada masa kini.

1. Kelayakan OKU Buta Dalam Melaksanakan Kontrak Muamalat

Sesuatu kontrak muamalat memerlukan kelayakan (*Ahliyyah*) pihak-pihak untuk melaksanakannya. Kelayakan (*Ahliyyah*) dari sudut bahasa bermaksud kapasiti atau kesesuaian (*Salahiyyah*) manakala dari istilah ialah kesesuaian seseorang untuk disabitkan hak baginya dan hak yang wajib ke atasnya serta kesahihan tindakannya (Al-Zuhaili, 2000: Amin Al-Jarumi, 2010). Kelayakan ini juga tergolong di bawah syarat mukallaf dan ia terbahagi kepada dua iaitu kelayakan wajib (*Ahliyyah al-Wujub*) dan kelayakan melaksana (*Ahliyyah al-Ada'*) (Al-Zuhaili, 2000: Zaydan: 2009). Kelayakan wajib (*Ahliyyah al-Wujub*) bermaksud kelayakan seseorang bagi mendapatkan hak-haknya yang ditentukan oleh syarak atau mensabitkan hak-hak orang lain ke atasnya, manakala kelayakan melaksana (*Ahliyyah al-Ada'*) bermaksud kelayakan seseorang untuk menjalankan suatu tindakan pengurusan mengikut landasan syarak (Zaydan, 2009).

Kelayakan yang akan dibahas dalam pelaksanaan kontrak muamalat OKU Buta ini adalah kelayakan melaksana (*Ahliyyah al-Ada'*). Bagi membincangkan kelayakan OKU Buta untuk melaksanakan kontrak muamalat, jenis halangan-halangan yang boleh menghilangkan kelayakan (*A'warid al-Ahliyyah*) dalam hukum syarak perlulah diteliti terlebih dahulu. Terdapat lima halangan yang boleh menghilangkan kelayakan iaitu gila, terencat akal (*al-Atah*), pelupa, tidur dan pengsan serta marad al-maut (Zaydan, 2009). Antara halangan kelayakan yang melibatkan OKU adalah terencat akal (*al-Atah*). Terencat akal bermaksud kecacatan akal yang menyebabkan seseorang itu kurang kefahaman, tidak betul percakapannya serta tidak pandai mengurus diri sendiri.

Terencat akal terbahagi kepada dua jenis iaitu terencat akal yang tidak boleh memahami serta menilai baik dan buruk sepenuhnya dan terencat akal yang masih mempunyai daya kefahaman serta boleh

membezakan antara baik dan buruk (Azman Ab Rahman et. al, 2015; Zaydan, 2009). Bagi OKU yang tergolong dalam jenis terencat akal yang pertama, mereka diibaratkan seperti orang yang gila dan tiada kelayakan melaksana ke atas mereka (Zaydan, 2009). Manakala bagi OKU terencat akal jenis kedua mereka dihukumkan seperti kanak-kanak mumayyiz yang mempunyai kelayakan melaksana tidak sempurna (Ahliyyah al-Ada' al-Naqisah) (Zaydan, 2009). Justeru, golongan ini tidak wajib melakukan segala ketetapan syarak tetapi sah sekiranya melaksanakannya (Ab Aziz et al, 2009). Perkara ini telah dijelaskan oleh Syeikh Dr Abdul Karim Zaydan (2009) dalam kitabnya *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, yang menghuraikan berkaitan halangan kelayakan orang terencat akal (*al-'Athah*):

وعلى هذا لا تجب عليه العبادات ولكن يصح منه أداؤها

Maksudnya: Maka dengan ini tidak diwajibkan ke atas mereka dalam hal ibadat namun sekiranya mereka melakukannya (ibadat) maka ia adalah sah.

Adapun bagi golongan OKU yang hanya mempunyai kecacatan dari aspek penglihatan, pendengaran, percakapan atau fizikal pula, mereka diwajibkan untuk menunaikan segala ketetapan hukum syarak kerana mereka mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat mukallaf (Abd Aziz et al, 2009; Zaydan, 2009). Oleh itu, sekiranya golongan OKU Buta ingin melaksanakan kontrak muamalat, pelaksanaan ini diperbolehkan dari segi syarak kerana golongan ini tidak mempunyai halangan-halangan yang boleh menggugurkan kelayakan (*Ahliyyah*) mereka.

2. Keharusan OKU Buta Dalam Melaksanakan Kontrak Muamalat

OKU Buta tidak terkecuali untuk melaksanakan kontrak muamalat. Terdapat beberapa perbincangan para fuqaha yang membincangkan keharusan kontrak muamalat OKU Buta. Terdapat tiga pendapat fuqaha. Pendapat pertama mengatakan jual beli orang buta dengan penjelasan fizikal barang adalah sah. Pendapat ini dikemukakan oleh mazhab Hanafi dan Hanbali (Al-Marghinani, t.t.; Ibn Muflih, 1400H). Pendapat kedua daripada mazhab Maliki mengatakan jual beli orang buta sah pada barang yang tidak perlu dilihat. Manakala pendapat ketiga pula adalah dari mazhab Syafie yang menyatakan tidak sah jual beli orang buta (Al-Nawawi, t.t.).

Berdasarkan pandangan Al-Qadi dalam kitab *al-Nukat wa al-Fawa'id al-Saniyyah* dari yang ditulis oleh Ibn Muflih daripada mazhab Hanbali berkata, kontrak jual beli orang buta sah berdasarkan kaedah qiyas yang digunakan oleh ulama mazhabnya. Ini kerana, penglihatan barang bukan satu syarat dalam kontrak jual beli sebaliknya cukup sekadar dengan penjelasan sifat fizikal barang sahaja. Maka, syarat ini boleh dipenuhi oleh orang buta (Ibn Muflih, 1404H).

Selain itu, Al-Gharnati (1994) daripada mazhab Maliki menukulkan pendapat Ibn 'Arafah dan Al-

Qadi yang mengharuskan kontrak jual beli orang buta. Menurut beliau, Ibn Rushd juga menjadikan pendapat ini sebagai pendapat mu'tamad dalam mazhab Maliki (Al-Gharnati, 1994). Namun, mazhab Maliki mengecualikan barang yang hanya boleh diketahui melalui penglihatan seperti *bay' al-juzaf*. Ini kerana, barang ini hanya boleh diketahui dengan melihatnya secara langsung tetapi ia tidak dapat dipenuhi oleh orang buta (al-Dusuqi, t.t.; 'Illish, 1989).

Seterusnya, Al-Marghinani daripada mazhab Hanafi pula berpendapat bahawa kontrak jual beli OKU Buta dengan penjelasan fizikal barang adalah sah dan diharuskan (Al-Marghinani, t.t). Hujah para fuqaha daripada mazhab Hanafi dan Hanbali ini disokong oleh hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari. Hadis ini berkaitan Hibban Bin Minqaz, seorang lelaki buta yang telah mengadu kepada Rasulullah SAW kerana telah ditipu ketika jual beli. Rasulullah SAW bersabda:

إذا بايعت فقل لا خلافة

Maksudnya, "Jika engkau berjual beli, maka sebutkan tiada penipuan." (Hadis Riwayat Al-Bukhari, No: 6212).

Berdasarkan hadis di atas, Rasulullah SAW mengharuskan kontrak jual beli OKU Buta. Ini kerana lelaki yang mengadu kepada Baginda tersebut adalah lelaki yang buta. Manakala dari segi ijma' pula, tiada sahabat atau fuqaha' yang melarang OKU Buta ini berjual beli sejak zaman Rasulullah SAW sehinggalah sekarang (Ibn Hammam, 2002). Namun, pendapat mazhab Hanafi, Hanbali dan Maliki ini bertentangan dengan Mazhab Syafie yang mensyaratkan penglihatan kepada penjual dan pembeli apabila melaksanakan kontrak jual beli. Imam Al-Nawawi berpendapat bahawa apabila OKU Buta membeli sesuatu barang tanpa melihatnya, mereka seolah-olah jahil dengan barang yang dijual tersebut (Al-Nawawi, t.t).

Setelah menilai pendapat para fuqaha' dan hujah yang digunakan, penulis berpendapat bahawa mazhab Maliki dilihat lebih bersesuaian dengan masalah kondisi OKU yang menyatakan sah jual beli orang buta pada barang jualan yang tidak perlu dilihat. Pendapat ini selari dengan hujah yang digunakan oleh mazhab Hanafi dan Hanbali yang menyatakan tiada dalil yang melarang jual beli orang buta, sama ada larangan dari Nabi SAW atau para sahabat dalam keadaan umum mengetahui kewujudan orang buta pada zaman tersebut.

Orang buta juga *mukallaf* seperti orang celik. Maka, mana mungkin mereka dihalang dari menunaikan keperluan mereka. Larangan jual beli orang buta akan menyulitkan lagi keadaan mereka dan ia bertentangan dengan ruh syariat Islam yang memudahkan *mukallaf*. Maka, pendapat dari mazhab Maliki yang membenarkan jual beli orang buta pada barang yang tidak perlu dilihat lebih tepat kerana ia menggabungkan hujah dari pendapat pertama tanpa

meninggalkannya. Malah, ia lebih dekat dengan maslahat orang buta.

3. Pelaksanaan Kontrak Muamalat OKU Buta Dalam Produk Kewangan Islam

Sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini, penulis telah mendatangkan dua jenis contoh kontrak muamalat yang diaplikasikan dalam sistem kewangan Islam pada masa kini antaranya adalah kontrak *Al-Ijarah Thumal Bay'* (AITAB) dan juga kontrak *Mudharabah* dalam produk Takaful Model Mudharabah. Justeru, timbul persoalan, adakah kedua-dua jenis kontrak ini boleh dilaksanakan oleh OKU Buta? Bagi membincangkan persoalan ini, penulis telah mendatangkan beberapa perbincangan para fuqaha yang dikelaskan mengikut contoh jenis pelaksanaan kontrak oleh OKU Buta seperti berikut:

a. Pelaksanaan Kontrak *Al-Ijarah Thumal Bay'* (AITAB) OKU Buta

Sepertimana yang telah dijelaskan oleh penulis dalam perbincangan sebelum ini, produk pembiayaan AITAB terdiri daripada gabungan kontrak asas sewaan (*ijarah*) dan juga jual beli (*bai'*). Untuk merungkai isu sama ada dibolehkan atau tidak pelaksanaan kontrak produk pembiayaan AITAB dalam kalangan OKU, penelitian terhadap perbincangan para fuqaha berkaitan kontrak sewaan OKU Buta perlulah dilihat terlebih dahulu. Menurut Mustafa Al-Khin (2011), sewaan boleh dikategorikan kepada dua iaitu sewaan yang memerlukan penglihatan dan sewaan yang tidak memerlukan kepada penglihatan (Al-Khin, 2011). Bagi kontrak sewaan yang memerlukan kepada penglihatan, para fuqaha berbeza pendapat mengenainya.

Terdapat dua pendapat yang pertama adalah pendapat para fuqaha dari mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali yang menjelaskan bahawa kontrak sewaan dalam kalangan OKU Buta adalah sah (Al-Dusuqi, 2002; Al-Marghinani, t.t.; Ibn Muflih, 1404H). Menurut Sheikh Ibn Taimiyyah dalam kitabnya *Majmu' Al-Fatawa* telah menukilkan bahawa sewaan dan belian OKU Buta menurut pendapat majoriti Hanafi, Maliki dan Ahmad adalah sah dengan syarat pemilik barang perlu menceritakan dahulu berkenaan sifat barang tersebut. Sekiranya OKU Buta menyedari barang tersebut berlainan sifat yang telah dinyatakan, dia boleh membatalkan kontrak tersebut (Ibn Taimiyyah, 1995).

Pendapat yang kedua adalah daripada mazhab Syafie yang menyatakan bahawa kontrak sewaan OKU Buta adalah sama seperti kontrak jual beli OKU Buta tersebut. Sekiranya barang tersebut dibenarkan dalam kontrak jual beli OKU maka ianya sah disewakan melalui kontrak sewaan OKU Buta. Jika barang tersebut tidak dibenarkan dalam kontrak jual beli OKU Buta, maka kontrak sewaan OKU Buta untuk menyewa barang tersebut juga tidak sah.

Oleh itu berdasarkan penelitian pandangan para fuqaha' ini, penulis berpendapat bahawa kontrak produk pembiayaan AITAB, contohnya seperti pembiayaan kenderaan oleh OKU Buta untuk dirinya sendiri juga adalah tidak digalakkan. Ini kerana pembelian kenderaan memerlukan kepada penglihatan terhadap spesifikasi, bentuk, kualiti kereta dan sebagainya. Perkara ini penting untuk menjaga masalah OKU Buta itu sendiri daripada ditipu semasa menjalankan kontrak sewaan mahupun pembelian.

b. Penyertaan Takaful Model Mudharabah OKU Buta

Takaful merupakan skim perlindungan insuran Islam yang membolehkan semua individu menyertainya termasuklah golongan OKU. Golongan OKU mempunyai hak mendapat perlindungan kerana golongan ini dianggap sebagai golongan yang berisiko tinggi berbanding golongan manusia yang normal. Pada tahun 2017, satu produk takaful khas pertama untuk golongan OKU telah diperkenalkan oleh Agrobank dengan penawaran pelbagai manfaat contohnya perlindungan kemalangan, kematian akibat kemalangan, kematian akibat penyakit biasa, elaun tunai wad (akibat kemalangan) dan juga manfaat perbelanjaan pengkebumian yang dinamakan sebagai Agro Nurani (Agrobank, 2017; Harian, 2017). Antara jenis kurang upaya yang dilindungi di bawah skim takaful ini adalah kurang upaya fizikal, penglihatan, pendengaran, pertuturan dan masalah pembelajaran manakala jenis kurang upaya yang tidak dilindungi pula adalah kurang upaya mental dan kurang upaya berganda contohnya mengalami kurang upaya fizikal dan penglihatan atau kurang upaya pertuturan dan masalah pembelajaran (Agrobank, 2017).

Secara umumnya, produk takaful yang diaplikasikan dalam sistem kewangan Islam mempunyai model-modelnya tersendiri termasuklah model mudharabah yang membolehkan pesertanya untuk menyertainya bagi tujuan pelaburan. Namun timbul isu sekiranya model mudharabah ini disertai oleh OKU Buta. Adakah dibolehkan atau tidak pelaksanaan kontrak mudharabah ini oleh OKU Buta? Menurut Noor dan Zakaria (2010), model mudharabah yang telah diperkenalkan dalam produk takaful dianggap sebagai salah satu operasi perniagaan yang melibatkan perkongsian keuntungan antara operator takaful dan peserta takaful (Noor & Zakaria, 2010). Oleh itu, bagi menghuraikan isu ini secara terperinci, pandangan fuqaha berkaitan syarat rakan kongsi dalam kontrak mudharabah perlulah diteliti dahulu. Antara syarat rakan kongsi yang disepakati oleh majoriti fuqaha antaranya adalah rakan kongsi hendaklah mempunyai kelayakan untuk menjadi wakil dan mewakilkan urusan kepada orang lain, berfikiran waras, baligh, boleh membuat keputusan dan tidak disekat urusan muamalatnya (Al-Dusuqi, 2002; Al-Buhuti, 1982; Al-Nawawi, t.t.; Ibn 'Abidin, 1994).

Setelah menilai pandangan fuqaha' mengenai syarat-syarat rakan kongsi ini, didapati bahawa tidak terdapat syarat yang menyatakan seseorang rakan kongsi itu mestilah seseorang yang mampu melihat. Dalam Mazhab Syafie, para fuqaha bersependapat bahawa seseorang yang sah untuk menjadi wakil dan mewakilkan urusannya kepada orang lain, maka pelaburan dan perkongsiannya juga adalah sah (Al-Ansari, 1994; Qalyubi dan 'Umayrah, 1955). Imam Ramli pula dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj menyatakan bahawa melalui syarat perwakilan, orang buta juga boleh menjadi pewakil dan bukan wakil dalam berakad (Al-Ramli et al., 2003). Menurut Imam Ramli (2003):

“Disyarat bagi kedua-dua pihak yang berakad mempunyai kelayakan menjadi wakil dan mewakilkan urusan hartanya. Ini kerana, setiap mereka adalah wakil kepada pihak yang satu lagi. Boleh juga jika salah seorang hanya sah menjadi wakil dan satu lagi sah menjadi pewakil. Ini bagi membolehkan orang buta menjadi pewakil dan bukan wakil”.

Melalui penjelasan ini maka, dapat disimpulkan bahawa pelaburan oleh OKU Buta itu adalah sah memandangkan OKU Buta tidak mempunyai masalah untuk mewakilkan urusannya kepada orang lain. Oleh itu, melalui aplikasi kontrak mudharabah dalam model takaful, pelaburan yang dilakukan oleh peserta OKU Buta adalah dibolehkan. Ini kerana peserta takaful OKU Buta telah mewakilkan modalnya kepada operator takaful untuk dilaburkan.

KESIMPULAN

Setiap individu tidak dapat lari daripada berurusan antara satu sarna lain khususnya dalam aspek muamalat yang berkaitan dengan jual beli, pelaburan dan sebagainya. Dalam menjalankan sesuatu kontrak muamalat, setiap individu tersebut dikehendaki untuk mematuhi rukun-rukun kontrak yang telah digariskan oleh hukum syarak. Ianya penting bagi memastikan kontrak yang dijalankan tersebut sah. Perbincangan berkaitan pelaksanaan kontrak muamalat oleh golongan OKU telah diulas dengan meneliti beberapa pandangan fuqaha berkaitan keharusan pelaksanaan kontrak ini. Para fuqaha telah berselisih pendapat dalam membicarakan isu berkaitan muamalat OKU terutamanya dari aspek syarat-syarat tertentu dalam sesuatu kontrak. Pelaksanaan muamalat dalam kalangan OKU khususnya OKU kategori Buta, perlu diambil kira maslahahnya apabila mereka menjalankan sesuatu kontrak dalam sistem kewangan Islam. Ini kerana sesuatu kontrak muamalat yang dijalankan amatlah menitikberatkan keadilan bagi kedua-dua pihak. Perkara ini penting untuk menjaga masalah serta menutup segala pintu keburukan yang boleh berlaku kepada OKU Buta itu sendiri.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zain, et. al. (2009). *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.*
- Abdul Munir Ismail, M. M., Mohd Noor Daud & Abdul Hadi Borhan. (2015). *Penyediaan Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid-Masjid: Kajian Kes di Masjid-Masjid Daerah Batang Padang. Al-Hikmah 7(1) 2015: 6 2-78.*
- Abdullah', A. H. (2007). *Penetapan Syarat dalam Akad Perniagaan: Kedudukan dan Garis Panduannya Menurut Fiqh Islam. Jurnal Syariah, 15(1).*
- Abdullah, W. M. Z. W., Aziz, M. R. A., & Shukor, S. A. (2013). *A Vehicle Financing Comparative Study Between Ijarah in Maybank Berhad and Bai Bithaman Ajil in Bank Islam Malaysia Berhad. Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).*
- Abu Sulayman, A. a.-W. (1992). *'Aqd al-ijarah Masdar min Masadir al-Tamwil al-Islamiyah.* Jeddah: Islamic Research and Training Institute.
- Agrobank. (2017). *Agrobank Lancar Perlindungan Takaful Pertama Di Malaysia Untuk Golongan Orang Kurang Upaya (OKU).* Retrieved from <https://www.agrobank.com.my/my/press-releases/agrobank-launched-the-first-takaful-protection-in-malaysia-for-people-with-disabilities/>
- Ahad, N. I., & Ismail, M. A. (2013). *Pembentukan Parameter Syariah Bagi Kontrak Jual Beli.* Paper presented at the Prosiding Perkem VIII, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Ahmad, A. H. (2012). *Mengenal dan Menangani Orang Kurang Upaya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1-2.*
- Ahmad, S. (2007). *Perlindungan Praakad dalam Undang-undang Kontrak Islam. Islamiyyat, 29.*
- Al- Dusuqi, M. A. (2002). *Hashiyah al-Dusuqi 'ala al-Sharh al-Kabir li Abi al-Barakat Sayyidi Ahmad al-Dirdi.* Beirut: Dar al-Fikir.
- Al-Ansari, Z. b. M. b. A. b. Z. Z. a.-D. A. Y. a.-S. (1994). *Fath al-Wahhab bin Sharh Minhaj al-Tullab:* Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bakri, Z. M. (2011). *Kewangan Islam dalam Fiqh Syafi'i.* Kuala Lumpur: IBFIM.
- Al-Buhuti, M. b. Y. (1982). *Kashshaf al-Qana' 'ala Matn al-'Iqna.* Beirut: Dar al-Fikr
- Al-Dibyan, Abi Umar. 2005. *Al-Ijab wa Al-Qabul Baina Al-Fiqh wa Al-Qanun.* Qahirah: Maktabah Al-Rusyd
- Al-Gharnati, Muhammad bin Yusuf bin Abi al-Qasim bin Yusuf al-'Abdari. 1994. *Al-Taj wa al-Iklil li Mukhtasar al-Khalil.* Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Haitami, S. a.-D. A. I. H. a.-H. a.-S. I. (1938). *Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj.* dicetak bersama 'Abd al-Hamid al-Sharwani dan Ibn

- Qasim al- 'Abbadī, Hawashi Tuhfah al-Muhtaj. Kaheerah: Matba'ah Mustafa Muhammad.,
- Al-Hawali, M. H. (2007). *Al-Mu`aq fi al-Fikr al-Islami*. Gaza: Al-Jami`ah al-Islamiyyah.
- Ali, M. M. (2016). Takaful Models: Their Evolution and Future Direction. *International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia*.
- Ali, M., & Othman, N. A. (2010). Bai' Bithaman Ajil Yang Dilaksanakan Di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Al-Kasani, Abu Bakar Mas'ud Bin Ahmad Al-Kasani Al-Hanafi (2003). *Badai' Al-Sanai'i fi Tartib Al-Syarai'*. Jilid 5. Dar al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Khin, M., al-Bugho, Mustofa & Asy-Syarbaji, Ali. (2011). *al-Fiqh al-Manhaji*. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn Bhd. Jilid 6.
- Al-Marghinani, A. b. A. B. b. A. a.-J. a.-R. (t.t.). *Al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi*. Kaheerah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Nadwi, A. A. (2013). *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- Al-Nawawi, A. Z. M. a.-D. b. S. (t.t.). *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Jeddah: Maktabah al-Irshad.
- Al-Ramli et al., M. b. A. a.-A. A. b. H. b. S. a.-D. (2003). *Nihayah al-Muhtaj*. dicetak bersama 'Ali bin 'Ali al-Shibrاملisi dan Ahmad bin 'Abd al-Razzaq al-Maghribi al-Rashidi, Hashiyah al-Shibrاملisi wa Hashiyah al-Maghribi al-Rashidi. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syairazi, Abu Ishak. (2003). *Al-Muhazzab fi Al-Fiqh Imam Al-Syafii*. Jilid 1. Dal al-Ma'rifah.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2000). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Vol 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Al-Zuhayli, W. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Vol. 4). Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. (1997). *Financial Transactions in Islamic Jurisprudence*. Damascus: Dar al-Fikr.
- Amin Al-Jarumi (2010). *Usul Fiqah: Prinsip-prinsip Perundangan Islam*. Shah Alam, Selangor. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Anas, I. (1970). *al-Mu'jam al-Wasit*. Kaheerah
- Arishin, S. S., & Ismail, A. G. B. (2013). *Perbandingan Kaedah Penyelesaian Kemungkiran (Default) dalam Pembiayaan Rumah di Perbankan Islam*. Paper presented at the Prosiding Perkem VIII, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- As-Shawkani, M. b. A. (1403H). *Nail al-Authar Syarh al-Muntaqa al-Akhyar*. Mesir: Dar al-Fikr.
- Azman Ab Rahman. (2017). *Fiqh Muamalat Orang Kurang Upaya (OKU)*. Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Bustani. (1987). *Muhit al-Muhit*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Dahlan, N. H. M., Noor, F. M., & Shuib, M. S. (2016). *Isu dalam Produk Pembiayaan Perumahan Islam - Bai' Bithaman Al-Ajil: Bayaran Jualan Penuh (Full Selling Price)*. Paper presented at the Proceeding of The International Conference on Government & Public Affairs 2016 (ICOGPA2016).
- Daud, M. (1997). *Al-Quran Sumber Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Din, N. b., Nasirudin, M., Talib, H. b., Ibrahim, S. Z. b., & Yusuf, S. A. M. (2019). Hubungan Sosial Masyarakat terhadap Orang Kurang Upaya di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1).
- El-Muhammady, A. H. (2010). *Undang-undang Muamalat dan Aplikasinya kepada Produk-produk Perbankan Islam*. Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Ghani, A. M. A. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia* Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Ghani, N. A. R. N. A. (2018). Tahap Kepatuhan Syariah Produk Pembiayaan Kenderaan Berasaskan Ijarah di Malaysia: Analisis Isu Pemilikan. In A. D. Salleh, A. F. Jusoh@Yusoff, & N. A. R. N. A. Ghani (Eds.), *Aplikasi Muamalah dalam Institusi Kewangan Islam* Universiti Kebangsaan Malaysia Penerbit UKM.
- Harian, B. (2017). Pelan perlindungan OKU pertama. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/01/234503/pelan-perlindungan-oku-pertama>
- IBFIM. (2010). *Buku Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Ibn 'Abidin, M. A. a.-S. b. I. A. (1994). *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin Bin Umar Abidin. (2003). *Radd al-Muhtar ala Dar al-Mukhtar*. Jilid 4. Alim Al-Kutub.
- Ibn al-Hammam, a.-I. K. a.-D. M. b. A. a.-W. a.-S. t. a.-S. (2002). *Sharh Fath al-Qadir, ed. 'Abd al-Razzaq Ghalib al-Mahdi*.
- Ibn Muflih, A. I. I. B. M. B. A. B. M. a.-H. (1404H). *Al-Mubdi' fi Sharh al-Muqni'*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn Qudamah, A. M. A. b. A. (1985). *Al-Kafi fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, M. A. b. Q. a.-M. (1367H). *al-Mughni* (Vol. Jilid 5). Kaheerah, Mesir: Dar al-Manar.
- Ibn Taimiyyah, T. a.-D. A. a.-A. A. b. A. a.-H. a.-H. (1995). *Majmu' al-Fatawa*. Madinah al-Munawwarah: Majma' al-Malik Fahd li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- 'Illish, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad. 1989. *Minh al-Jalil Sharh Mukhtasar Jalil*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Iryani, E. (2017). Al-Quran dan Ilmu Pengetahuan. *Jurnal Ilmiah Universitas Batanghari Jambi Vol.17 No.3 Tahun 2017*.
- ISRA. (2015). *Islamic Financial System Principles and Operations*. Kuala Lumpur: International Shariah Research Academy for Islamic Finance.
- Jaafar, H. J., Wahab, H. A., & Yaacob, N. (2017). Amalan Pengurusan Pekerja Kurang Upaya dalam Sesebuah Organisasi Berdasarkan Undang-undang di Malaysia. 51.
- Jasas. (1347H). *Ahkam al-Quran* (Vol. 2). Mesir: Tab' Matbaat al-Bahiyyah.
- JKM. (2020). Sejarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Retrieved from <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UGU5dnNUNTFidDdmMmFqR3VJZ2tkdz09>
- Kasani, A. A. B. b. M. u. a.-K. (1328H). *Bada'i' wa al-Sana'i* (Vol. 7). Kaherah, Mesir: Matbaat al-Jamaliyyah.
- Manzur, I. (1990). *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar Al-Sadir.
- Masroom, M. N. (2013). *Hakikat Kejadian Manusia Dan Kaitannya Dengan Kesehatan Jiwa*. Paper presented at the 3rd International Conference on Islamic Education 2013. Kajang: Assosiation of Islamic Education Scholars.
- Muhammad Yusuf Musa (1998). Al-Amwal Wa Nazariyyah Al-Aqd. Dar Al-Fikr.
- Musa, M. Y. (1952). *al-Amwal wa Nazariyyat al-Aqd fi al-Fiqh al-Islami* Kaherah, Mesir: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Muwazir, M. R., Hassan, H. S. H., & Hadi, N. A. (2017). Pemahaman Pelaksanaan Kontrak Al-Bai' Bithaman Ajil (BBA) dalam Instrumen Perbankan Islam di Negara Brunei Darussalam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(6), 129-141.
- Noor, A. M., & Zakaria, M. S. (2010). Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad *Jurnal Muamalat*(3).
- Qalyubi dan 'Umayrah, A. b. A. b. S. a.-Q. d. S. a.-D. A. a.-B. (1955). *Hashiyah Qalyubi wa 'Umayrah 'ala Sharh al-Muhalla 'ala Minhaj al-Talibin*. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Qudamah, I. (1999). *al-Mughni*. Jeddah: Dar Alam Al-Kutub.
- Rahman, F. A. (2000). Orang Kurang Upaya (OKU) dari Perspektif Islam. *Institut Kefahaman Islam Malaysia* Retrieved from <http://www.ikim.gov.my/index.php/2000/01/01/orang-kurang-upaya-oku-dari-perspektif-islam/>
- Rahman, M. H. A. (2009). The Study of Development Programs for the Disabled Community in Malaysia: The Opportunities and Problems in Education and Employment. *Disertasi Sarjana Ekonomi Tidak Diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya (UM)*.
- Rosland, A., & Borhan, J. T. (2013). Akad dalam Perbankan Internet. *Jurnal Teknologi*, 65(1).
- Sarkawi, A. A. (2019). Akad-akad Muamalah Dalam Fiqh: Satu Analisis. *Jurnal Syariah*, 9.
- Sharbini, M. S. a.-K. (1993). *Mughni al-Muhtaj*. Mesir: Mustafa al-Halabi.
- SPRS. (2012). Standard & Poor's Ratings Services EU Group of Credit Rating Agencies: Transparency Report 2012
- Standard & Poor's Ratings Services*. Retrieved from https://www.standardandpoors.com/en_EU/delete/getPDF;jsessionid=2156FCDF3668374246DA1F6056262840?articleId=1497938&type=C OMMENTS&subType=REGULATORY
- Syubair, M. U. (1998). *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah fi al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Tah, I. H. M. (2014). *Orang Kurang Upaya (OKU) dan Hak untuk Hidup: Satu Analisis Perundangan di Malaysia*. Paper presented at the International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS 2014).
- Tah, I. H. M., & Mokhtar, K. A. (2018). Konsep Hak Asasi Manusia Bagi Orang Kurang Upaya Di Malaysia: Suatu Analisis. *Jurnal Kanun*, 30(1).
- Tahir, H. M., & Ahmad, S. (2009). *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam*. Shah Alam, Selangor: Universiti Teknologi Mara
- Thoarlim, A., Rahman, A. A., & Ismail, N. (2017). *Pelaksanaan Fiqh Muamalat Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Paper presented at the International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (ISLAC) 2017.
- Tohirin, A., & Ismail, A. G. b. (2009). Finance and Growth: The Role of Islamic Contracts. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.
- Yahya, A. S. (2010). *Ijarah dari Konteks Aplikasi, Perundangan dan Syariah*. Paper presented at the Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara kali ke-4, Putrajaya International Convention Centre
- Zahrah, A. (1977). *Al-Milkiyyah wa Nazariyat, al-'Aqd fi al-Shariat al-Islamiyyah*. Mesir: Dar al-Fikr.
- Zakaria, M. U., & Ghani, A. M. A. (2015). Pembiayaan Kenderaan Berkonsepkan Al-Ijarah Thumma Al-Bay' (Aitab) Di Bank Muamalat Malaysia Berhad Dan Isu-Isu Berkaitan. *Jurnal Syariah*, 23(3), 435-476.
- Zaydan, Abdul Karim Zaydan. (2009). *Al-Wajiz Fi Usul Fiqh*. Lebanon: Muassasah Al-Risalah Nasyirun.

Ruzian Markom,
ruzian@ukm.edu.my
Faculty of Law,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

Mohamad Anwar Zakaria,
anwarzakaria8055@gmail.com
Faculty of Law,
Universiti Krbangsaan Malaysia,
MALAYSIA

Azman Ab Rahman,
azman@usim.edu.my
Fakulti Syariah dan Undang-undang,
Universiti Sains Islam Malaysia,
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

Peranan Mediator Faktor Kewangan Terhadap Penentu Pembayaran Sewaan Premis Komersial Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang <i>The Role of The Financial Factor as The Mediator on The Determinant of Wakaf Commercial Premise Rental Payment Under Penang State Islamic Council</i> Mohammad Syukri Jalil, Mohd Sabri Abd Ghafar, Azarudin Awang	1-21
Implikasi Marad Al-Mawt ke atas Akad Hibah <i>Implications of Marad Al-Mawt Over Hibah Agreement</i> Noor Lizza Mohamed Said, Adnan Mohamed Yusoff	22-28
Pelaksanaan Kontark Muamalat oleh Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Buta dalam Sistem Kewangan Islam <i>The Implementation of Muamalat Contract by Disabled Person in Islamic Financial System</i> Ruzian Markom, Mohamad Anwar Zakaria, Azman Ab Rahman	29-41
Fungsi dan Tanggungjawab Pegawai Syariah dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI 2013) <i>Function and Responsibility of Sharia Officer in Islamic Financial Services Act (IFSA 2013)</i> Mat Noor Mat Zain, Najihah Ali, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	42-52
Kawalan Undang-undang Terhadap Pembinaan Rumah Ibadat di Malaysia <i>Legal Controls Towards Construction of Houses of Worship in Malaysia</i> Nurul Faezah Md Ahair, Zuliza Mohd Kusrin	53-64
Garis Panduan Kontrak Derivatif Berasaskan Syariah <i>Guideline of Derivative Contract Based on Syariah</i> Mohd Hafiz Mohd Dasar, Azlin Alisa Ahmad, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	65-76
Keperluan Deklarasi Hibah dan Kekangannya dalam Perancangan Harta Orang Islam <i>The Need for Hibah Declarations and Its Constraints in Property Planning of Muslims</i> Rosmiza Ismail, Salmy Edawati Yaacob, Mohd Zamro Muda	77-83
Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor: Biografi dan Sumbangan dalam Perkembangan Undang-Undang Islam di Malaysia <i>Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor: Biography and Contributions in The Development of Islamic Law in Malaysia</i> Aniqah Binti Azmi, Zuliza Mohd Kusrin	84-90
دور الإدارة اللامركزية في محاربة الفساد الإداري من منظور إسلامي إدارة القضاء في خلافة عمر بن عبد العزيز نموذجا: دراسة تحليلية <i>The Role of Decentralized Management in Combating Maladministration from Islamic Perspective: An Analytical Study on Judicial Administration of Caliphate 'Umar Ibn Abd al-'Aziz</i> Jalal Alwan Salman, Ahmad Sufian Bin Che Abdullah, Nor 'Azzah Binti Kamri	91-107

Journal of Contemporary Islamic Law

(2020)Vol. 5(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2020), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 5(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.